



PETIKAN AKHBAR

GKP: Kerajaan salur RM5.08 bilion kepada PKS mikro, bayaran GKP 3.0 dibuat mulai 10 Jun

PETIKAN AKHBAR | 08 JUN 2021



KUALA LUMPUR, 8 Jun – Sejumlah RM5.08 bilion telah dan akan disalurkan kepada hampir satu juta perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mikro di bawah Geran Khas Prihatin (GKP) semenjak pandemik COVID-19 melanda negara, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

"Kerajaan berharap bantuan langsung yang disalurkan kepada PKS mikro ini, akan meringankan beban mereka terutamanya yang amat terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 pada kali ini," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Tengku Zafrul berkata, di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) kerajaan telah memutuskan pemberian GKP 3.0 sebanyak RM1,000 kepada lebih satu juta peniaga mikro untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka, khususnya dalam menguruskan aliran tunai masing-masing.

Manakala melalui program PEMERKASA Tambahan yang diumumkan pada 31 Mei, 2021, kerajaan telah mengumumkan komitmen yang sama sepanjang tempoh PKP 3.0, dengan pemberian tambahan sebanyak RM500

yang menaikkan jumlah bayaran kepada RM1,500 bagi setiap PKS mikro.

"Sukacita dimaklumkan bahawa hampir satu juta PKS mikro melibatkan penerima sedia ada GKP 1.0 dan GKP 2.0 serta PKS mikro yang baharu lulus GKP 3.0 akan menerima bayaran sebanyak RM1,000 mulai 10 Jun 2021 (Khamis) secara berperingkat melibatkan implikasi kewangan sebanyak hampir RM1.0 bilion," katanya.

Tengku Zafrul berkata pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan dalam sistem GKP dan semakan status kelulusan boleh dibuat mulai 8 Jun, 2021 di pautan gkp.hasil.gov.my.

Bayaran tambahan sebanyak RM500 itu yang melibatkan peruntukan hampir RM500 juta, akan dibayar pada Julai 2021 menjadikan jumlah keseluruhan GKP 3.0 sebanyak RM1.5 bilion.

Bernama

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

[Laporan LAKSANA](#)

[Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK I

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022